



PENDEKATAN AHLI AKADEMIK DI MALAYSIA DALAM MENANGANI AMALAN BID'AH

(The Approach of Academicians in Malaysia in Addressing the Practice of Bid'ah)

Amran Abdul Halim, Ahmad Izzuddin Abu Bakar, Walid Mohd Said, Abdulloh Salaeh, Amiruddin bin Mohd Sobali

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Abstract

This study aims to identify the approaches employed by Islamic studies academicians in Malaysian public universities to address the issue of bid'ah (religious innovation) among the Muslim community. Bid'ah is defined as any practice introduced without evidence from the Qur'an, Sunnah, consensus (ijma'), or traditions (athar), and which has the potential to undermine the purity of Islamic teachings. This research adopts a quantitative method through the distribution of questionnaires to Islamic studies lecturers at four major public universities—University of Malaya (UM), National University of Malaysia (UKM), International Islamic University Malaysia (IIUM), and Islamic Science University of Malaysia (USIM). Findings indicate that the majority of respondents frequently encounter community practices with no textual evidence and resolve such issues using approaches based on the Sunnah. Moreover, most academicians actively clarify the characteristics of bid'ah and expose its falsehoods through lectures, seminars, and scholarly publications. The study emphasizes the vital role of academicians in educating the Muslim community to distinguish between authentic Sunnah and bid'ah, and to practice Islam based on authentic textual evidence. The findings demonstrate that scholarly and Sunnah-based approaches are the most effective mechanisms in countering bid'ah practices in Malaysia.

Keywords: *bid'ah, sunnah, academic approach, Islamic studies, Malaysia.*

Article Progress

Received: 6 October 2025

Revised: 4 November 2025

Accepted: 1 December 2025

*Corresponding Author:

Ahmad Izzuddin Abu Bakar.
Fakulti Pengajian Quran
dan Sunnah, USIM.

Email:

izzuddin@usim.edu.my

PENDAHULUAN

Al-Sunnah adalah merupakan perundangan Islam yang kedua selepas al-Qur'an. Namun, di sana terdapat suatu perkara yang bertentangan dengan *al-Sunnah* yang berkemungkinan boleh merosakkan kesucian agama Islam itu sendiri yang mana ia telah sempurna diturunkan oleh Allah SWT kepada umat Islam, firmanNya:

﴿الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا﴾

Surah al-Ma'idah (5): 3.

Maksudnya: “Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agama untuk kamu”.

Perkara yang dimaksudkan bertentangan dengan *al-Sunnah* ialah bid'ah. Bid'ah dari segi bahasa ialah melakukan sesuatu dan membuatnya tanpa ada contoh sebelumnya, sama ada dalam bentuk perkataan atau perbuatan¹. Perkataan *al-ibda'* menurut ahli falsafah ialah mewujudkan sesuatu yang asalnya tiada².

¹ Ahmad ibn. Faris, *Mu'jam Maqayis al-Lughah* (Beirut: Dar al-Jil, 1991), 1:210.

² Ibrahim Madkur, *Mu'jam al-Wajiz*, c. 1 (Mesir: Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah, 1980), 40.

Perkataan *al-badi‘* (البدیع) pula adalah salah satu daripada nama-nama Allah SWT Yang Maha Pencipta bagi segala sesuatu yang baru. Dialah yang memulakan sesuatu ciptaan, tidak ada ciptaan yang lain sebelumNya³.

Apabila anda dikatakan “جئت بأمر بدیع” maksudnya anda telah mengada-adakan sesuatu yang baru yang amat pelik dan ajaib yang tidak pernah dikenali atau dilakukan oleh orang lain sebelum ini⁴.

Manakala perkataan *al-bida‘* (huruf “Ba” baris *kasrah*) bermaksud yang awal atau yang pertama bagi sesuatu perkara. Perkataan ini juga digunakan untuk sesuatu perbuatan sama ada ianya baik atau buruk. Maksud bagi perkataan ini ada dijelaskan melalui firman Allah SWT :

﴿قُلْ مَا كُنْتُ بِدْعًا مِنَ الرُّسُلِ﴾

Maksudnya: “Katakanlah: Aku bukanlah rasul yang pertama di antara rasul-rasul”.

(Surah al-Ahqaf (46): 9.

Maksud ayat di atas ialah Nabi Muhammad SAW bukanlah rasul yang pertama yang membawa wahyu dan syariat dari Allah SWT kepada umat manusia, bahkan ia telah didahului oleh rasul-rasul sebelumnya⁵.

Ringkasnya perkataan “*bida‘a*” (بدع) kebanyakannya memberi maksud *al-ihdath* (sesuatu yang baru) dan *al-ikhtirā‘* (yang direka cipta)⁶, firman Allah SWT :

﴿وَرَهْبَانِيَّةً ابْتَدَعُوهَا﴾

Maksudnya: “Dan mereka mengada-adakan rahbaniyyah”.⁷

Surah al-Hadid (57): 27.

Manakala bid‘ah dari sudut istilah menurut al-Syatibi ialah suatu jalan, amalan atau petunjuk yang direka cipta atau perkara baru dalam agama sehingga seolah-olah ianya dianggap menyerupai amalan atau cara syariat dengan bertujuan untuk menjadikannya sebagai tatacara agama serta berlebih-lebihan dalam konteks beribadat kepada Allah SWT. Takrif ini dikhususkan kepada ibadat sahaja, tidak termasuk perkara adat. Jika dimasukkan perkara adat ia bermaksud suatu jalan yang direka cipta dalam agama yang dianggap menyerupai syariat, dengan bertujuan untuk menjadikannya sebagai tatacara agama sepertimana yang diamalkan dalam hukum syara’⁸. Takrif pertama lebih tepat memandangkan bid‘ah berlawanan dengan *al-Sunnah*. Ini adalah kerana *al-Sunnah* ialah *tariqah* (jalan) Rasulullah SAW. Oleh itu keterangannya adalah perkara-perkara agama, bukan perkara-perkara adat⁹. Bid‘ah juga termasuk sesuatu yang diada-adakan oleh hati, dituturi oleh lidah dan dilakukan oleh anggota¹⁰.

Takrif yang dinyatakan oleh al-Syatibi iaitu menyerupai amalan dan cara syariat ialah sebagai penegasan iaitu pada hakikatnya sesuatu yang diada-adakan dalam agama tidak ada dalam syariat, bahkan ia bertentangan dengan syariat itu sendiri dari tiga aspek. Pertama ia membatasi diri dengan sesuatu yang tidak ada dalil dalam syariat seperti bernazar untuk berpuasa dengan berdiri di bawah

³ ‘Izzat ‘Ali ‘Atiyyah, *Al-Bid‘ah: Tahdiduha wa Mawqif Al-Islam minha*, c. 2 (Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi, 1980), 158.

⁴ *Ibid.*

⁵ Ibn Manzur, *Lisan al-‘Arab*, c. 1 (Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, 1988), 1: 342.

⁶ ‘Izzat ‘Ali, *al-Bid‘ah*, 157.

⁷ ‘Izzat ‘Ali, *al-Bid‘ah*, 159.

⁸ Maksud *rahbaniyyah* ialah tidak beristeri atau tidak bersuami dan mengurung diri dalam biara.

⁹ Al-Syatibi, *al-I‘tisam*, *tahqiq* Salim al-Hilali, (Arab Saudi: Dar Ibn ‘Affan, 1992), 1:50.

¹⁰ ‘Abbas Mutawalli, *al-Sunnah al-Nabawiyyah wa Makanatuha fi al-Tasyri‘*, (t.t. dan t.t.p.), 19.

¹¹ ‘Ali ibn. Hasan al-Halabi, *‘Ilm Usul al-Bida‘*, (Riyad: Dar al-Rayah, 1992), 23.

cahaya matahari yang terik tanpa bernaung, memutuskan hubungan duniawi dan meninggalkan makan dan minum tanpa sebab dan alasan.

Keduanya ialah mengharuskan diri dengan cara-cara dan bentuk-bentuk ibadah tertentu seperti membaca zikir beramai-ramai secara serentak atau memperingati hari kelahiran Nabi Muhammad SAW dengan mewajibkan membaca zikir-zikir tertentu.

Ketiganya ialah mengerjakan ibadah pada waktu-waktu yang tertentu seperti berpuasa pada awal Muharram dan lain-lain, yang mana tidak ada dalilnya yang menganjurkan perkara tersebut. Inilah yang dimaksudkan dengan usaha untuk menyerupai syariat sebagaimana menurut al-Syatibi. Ringkasnya, menyerupai syariat dilihat dari tiga aspek; iaitu pembatasan diri, mengada-adakan bentuk ibadah-ibadah tertentu dan pengkhususan waktu, yang mana kesemuanya tidak ada dalil yang menetapkan perkara-perkara tersebut¹¹.

Manakala kenyataan al-Syatibi yang menyebut “berlebih-lebihan dalam konteks beribadah kepada Allah SWT” adalah merupakan penjelasan yang melengkapkan kefahaman dan pengertian bid‘ah. Perkataan berlebih-lebihan menunjukkan tanggapan pelaku bid‘ah iaitu dengan cara tersebut mereka semakin dekat dengan Allah SWT yang mana mereka cuba menokok tambah dalam syariat atau memaksa diri melakukan ibadah¹².

Menurut Imam al-Syafi‘i, bid‘ah ialah sesuatu yang diada-adakan yang menyalahi sama ada al-Qur‘an, *al-Sunnah*, *ijma‘* atau *athar*, iaitu yang dikenali sebagai bid‘ah yang sesat. Sekiranya tidak menyalahi mana-mana daripada perkara tersebut, ia tidak dikategorikan sebagai bid‘ah yang sesat¹³.

Menurut al-Suyuti, bid‘ah ialah ibarat daripada sesuatu perbuatan yang meruntuhkan syariat dengan cara melakukan perbuatan yang menyalahi syariat dengan menambah atau mengurangkan sesuatu dalam agama¹⁴.

Menurut Ibn Manzur, bid‘ah ialah mengada-adakan sesuatu atau memulakannya, iaitu suatu perkara atau amalan baru yang direka cipta selepas sempurnanya syariat Islam yang diturunkan ke atas umat Islam¹⁵.

Berdasarkan definisi-definisi ini, sama ada dari segi bahasa dan istilah dapatlah kita fahami di sini bahawa bid‘ah adalah sesuatu yang diada-adakan tanpa ada asas sebelumnya dan contoh yang boleh diikuti. Bid‘ah juga merangkumi sesuatu yang dikeji oleh syara’ dan dilarang sama ada ia diadakan sebagai agama Allah atau syariat ataupun sebaliknya. Segala amalan, perbuatan, hukum-hakam dan lain-lain yang dilakukan dengan tidak mengikut saluran yang dibenarkan oleh syara’ dianggap sebagai bid‘ah.

KAJIAN TERDAHULU (LITERATURE REVIEW)

Sepanjang pemerhatian penulis, memang terdapat kajian-kajian berkaitan bidaah, sama ada kajian perpustakaan (*library research*) mahupun kajian lapangan. Walau bagaimana pun kebanyakannya lebih banyak memberi tumpuan kepada contoh-contoh bidaah yang berlaku dalam masyarakat dahulu dan kini. Di samping itu terdapat juga kajian-kajian dalam bentuk latihan ilmiah, antaranya ialah:

- 1) Faridah bt Sulaiman (1991), "Masalah Sunnah dan Bidaah di dalam Masyarakat Islam Kelantan: Tumpuan kepada Kitab *al-Qawl al-Mufid li Ifadah al-Mustafid*" karya Hj Muhammad b. Idris" (Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur)

¹¹ ‘Izzat ‘Ali, *al-Bid‘ah*, 165. Ardiansyah, *Perspektif Imam Al-Syatibi terhadap Konsep Sunnah dan Bid‘ah: Analisis terhadap Kitab Al-I‘tisam dan Al-Muwafaqat* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2009), 93-94.

¹² ‘Izzat ‘Ali, *al-Bid‘ah*, 165. Ardiansyah, *Perspektif Imam al-Syatibi*, 94.

¹³ ‘Izzat ‘Ali, *al-Bid‘ah*, 160.

¹⁴ ‘Abd. Al-Rahman ibn. Abu Bakr al-Suyuti, *Haqiqah al-Sunnah wa al-Bid‘ah.*, (Mesir: Dar al-Insan, 1985), 26.

¹⁵ Ibn Manzur (1988), *op.cit.*, h. 341.

- 2) Bungsu @ Aziz b. Jaafar (1988), "Bidaah Dalam Peribadatan Orang Melayu" (Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).
- 3) Ramlah Ab. Hamid (1994), "Bidaah Menurut Islam: Satu Kajian Khusus di Kalangan Masyarakat Melayu di Kuantan, Pahang" (Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).
- 4) Hishamudin Hashim (1994), "Konsep Ahli Sunnah Wal Jama'ah Perlis: Pandangannya terhadap Persoalan Aqidah, Khurafat dan Bidaah" (Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).
- 5) Fauziah Pandin (1997), "Perkara-Perkara Bidaah dalam Pengurusan Jenazah: Satu Kajian di Daerah Lawas, Sarawak" (Latihan Ilmiah, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).

Manakala kajian dalam bentuk laporan penyelidikan yang dibuat oleh para penyelidik dari Universiti Malaya dan Universiti Utara Malaysia ialah yang dihasilkan oleh:

- 6) Nooraishah bt. Saimi (1993), "Bidaah dan Khurafat: Satu Tinjauan Dalam Adat Istiadat Masyarakat Islam di Bahagian Keenam Sarawak" (Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur)
- 7) Suryani bt. Zakaria (1992), "Kemurnian Ajaran Islam Dalam Amalan Masyarakat: Suatu Kajian Khusus Terhadap Amalan-amalan Bidaah dan Khurafat di Bulan Ramadan di kalangan Masyarakat Islam di Kelantan" (Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur)
- 8) Rahana bt. Said (1993), "Perkara-perkara Khurafat dan Bidaah di Sekitar Upacara Kematian Masyarakat Melayu: Kajian di Kuala Terengganu" (Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).
- 9) Mohd Nizho bin Abd Rahman, Mohd Khadafi Hj Rofie, Dr Muhammad Khairul Anwar Osman (2003), "Amalan Bidaah dalam Pengurusan Jenazah: Kajian di Kubang Pasu" (Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah Darul Aman).

Manakala hasil penulisan disertasi berkenaan dengan bidaah dan khurafat ditulis oleh Siti Sobah bt Sulaiman (2003), "Bidaah dan Khurafat Dalam Masyarakat Islam: Satu Kajian di Jeram, Selangor" (Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur). Disertasi ini lebih mengfokuskan kepada subjek kajian iaitu masyarakat Islam di kawasan Jeram, Selangor. Pengkaji menganalisis beberapa contoh amalan bidaah dan khurafat yang masih diamalkan oleh masyarakat tersebut, tahap kesedarannya, peranan ilmu dalam mencegah bidaah dan khurafat serta usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak berwajib untuk menyebarkan ilmu-ilmu agama kepada masyarakat.

Terdapat juga hasil penulisan disertasi dalam bidang fiqh dan usul yang mengkhususkan kepada sesuatu amalan yang telah disyariatkan dalam Islam atau sesuatu mazhab, tanpa difokuskan kepada kitab-kitab hadith. Antaranya seperti yang dilakukan oleh Ahmad Misbah bin Mohd Hilmi (2005), "Amalan Bidaah dalam Perkahwinan: Suatu kajian di dalam Masyarakat Islam, Ipoh, Perak" (Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur). Fokus kajian ini adalah terhadap amalan dan adat istiadat dalam perkahwinan dengan tujuan untuk dinilai semula dengan garis panduan menurut syariat Islam. Pengkaji mengklasifikasikan setiap amalan yang berlaku dalam majlis perkahwinan sama ada ianya bidaah atau sunnah yang berdasarkan kepada mazhab Syafi'i iaitu pembahagian bidaah kepada *hasanah* dan *sayyi'ah*. Pengkaji juga menghuraikan amalan adat dalam majlis *walimatul 'urus* masyarakat Islam di bandaraya Ipoh, Perak, pandangan Islam terhadap segala amalan seperti mandi limau, berendam, berzanji, persandingan dan lain-lain dan juga adat-adat dalam majlis kahwin masyarakat tersebut.

Manakala yang dikhususkan kepada sesuatu mazhab seperti yang dihasilkan oleh Ahmad Husni b. Haji Hasan (2003), "Bidaah Menurut Mazhab Syafi'i: Satu Analisis Terhadap Amalan Masyarakat Islam di Ipoh" (Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur). Secara teori, pengkaji menghuraikan permasalahan bidaah

berdasarkan kaedah mazhab Syafie. Pengkaji membincang dan membuat pentarjihan berhubung dengan apa dan kenapa para fuqaha' berselisih pendapat mengenai permasalahan bidaah. Amalan yang dikaji ialah kematian, kahwin, persediaan bersalin dan selepasnya, aqiqah, halaqat-halaqat berzanji di kalangan masyarakat India Muslim dan lain-lain. Pengkaji juga menjelaskan istilah-istilah yang berkaitan dengan bidaah dan aspek pembahagian bidaah dalam mazhab Syafie, serta menganalisis terhadap beberapa amalan bidaah di bandaraya Ipoh, hukum pengamalannya dan amalan-amalan bidaah yang masih aktif dan yang tidak lagi aktif. Pengkaji tidak memfokuskan kajiannya terhadap mana-mana kitab hadith.

OBJEKTIF KAJIAN

Menganalisis penglibatan responden dalam masyarakat serta aplikasi dan kaedah penyelesaian dalam menangani amalan bid'ah yang dilakukan oleh umat Islam

METODOLOGI KAJIAN

Soal selidik telah diedarkan kepada ahli-ahli akademik dalam bidang pengajian Islam di empat buah IPTA iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Di Universiti Malaya, ia melibatkan Akademi Pengajian Islam (APIUM) dan Universiti Malaya cawangan Nilam Puri, Kelantan. Terdiri daripada bidang Usuluddin dan Syariah yang terbahagi kepada beberapa jabatan seperti Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Sejarah dan Tamadun Islam, Dakwah dan Pembangunan Insan, Akidah dan Pemikiran Islam, Syariah dan Pengurusan, Syariah dan Ekonomi, Fiqh dan Usul, Syariah dan Undang-Undang dan Siyasah Syar'iyah. Manakala di UKM ia melibatkan Fakulti Pengajian Islam (FPI) yang terdiri daripada Jabatan Al-Qur'an dan Al-Sunnah, Usuluddin dan Falsafah, Syariah, Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Pengajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam dan Unit Bahasa Arab. Di USIM pula, ia melibatkan pensyarah dari Fakulti Al-Qur'an dan Al-Sunnah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang dan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan. Manakala UIA, ia melibatkan Fakulti Ilmu Wahyu iaitu Jabatan Al-Qur'an dan Al-Sunnah, Jabatan Fiqh dan Usul, Jabatan Usuluddin dan Perbandingan Agama, Jabatan Bahasa Arab dan Jabatan Pengajian Umum.

Dalam soal selidik kajian, penyelidik menggunakan skala Likert lima mata (1- Sangat Tidak Setuju, 2- Tidak Setuju, 3- Tidak Pasti, 4- Setuju dan 5- Sangat Setuju dan 1- Tidak Pernah, 2- Jarang, 3- Kadang-kadang, 4- Kerap, 5- Amat Kerap). Oleh itu nilai koefisien *Cronbach Alpha* digunakan untuk membuktikan sama ada item-item soal selidik tersebut mempunyai kebolehpercayaan (*reliability*) yang tinggi atau rendah. Menurut Rohana Yusof, nilai koefisien *Cronbach Alpha* dan koefisien *Kuder Ricardson* merupakan ujian statistik kebolehpercayaan inter-item iaitu kebolehpercayaan dalaman/ketekalan dalaman. Kebolehpercayaan dalaman ini merujuk ketekalan terhadap item-item yang mengukur konsep atau konstruk secara khusus¹⁶.

Keputusan Analisis Item-Item Bahagian E

Bahagian E soal selidik pula mengandungi lapan pernyataan berkaitan penglibatan responden dalam masyarakat serta aplikasi dan kaedah penyelesaian dalam menangani amalan bid'ah yang dilakukan oleh umat Islam. Bahagian ini adalah bertujuan untuk menganalisis sumbangan serta aplikasi yang dilakukan oleh responden dalam menangani permasalahan tersebut. Dengan ini, ia akan dapat menyelesaikan objektif kajian yang keempat. Oleh yang demikian, digunakan skala Likert lima mata berikut iaitu:

1- Tidak Pernah 2- Jarang 3- Kadang-kadang 4- Kerap 5- Amat Kerap

¹⁶ Rohana Yusof, *Penyelidikan Sains Sosial* (Pahang: PTS Publications & Distributor SDN. BHD, 2003), 111.

Soal Selidik

- 1- Anda berhadapan dengan sesuatu amalan yang dilakukan oleh masyarakat yang tidak ada dalilnya sama ada daripada al-Qur'an, *al-Sunnah* atau *athar al-Sahabah*.
- 2- Anda menyelesaikan permasalahan sesuatu amalan yang tiada nas dengan menggunakan pendekatan *al-Sunnah*.
- 3- Anda memperjelaskan ciri-ciri amalan bid'ah dalam kuliah-kuliah, seminar atau forum sama ada di peringkat universiti atau di masjid-masjid.
- 4- Anda mendedah kepalsuan amalan bid'ah sama ada dalam kuliah ilmu atau mengedarkan risalah.

Keputusan Analisis Item-Item Soal Selidik


Bahagian soal selidik adalah berkaitan dengan persepsi dan pandangan responden terhadap konsep bidaah hasanah yang difahami oleh mereka. Oleh itu, ia akan dapat menyelesaikan objektif kajian ini. Bahagian ini terdiri daripada enam item atau pernyataan berkaitan dengan perkara tersebut

1. Anda berhadapan dengan sesuatu amalan yang dilakukan oleh masyarakat yang tidak ada dalilnya sama ada daripada al-Qur'an, *al-Sunnah* atau *athar al-Sahabah*.

Jadual 4.38: Taburan Kekerapan Item E31

	KEKERAPAN	PERATUS	PERATUS SAH	PERATUS KUMULATIF
JARANG	8	5.3	5.3	5.3
KADANG-KADANG	10	6.7	6.7	12.0
KERAP	110	73.3	73.3	85.3
AMAT KERAP	22	14.7	14.7	100.0
Total	150	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik

Rajah 4.38: Carta Palang Item E31

Sumber: Soal Selidik

Berdasarkan jadual tersebut, ia menunjukkan sebahagian besar responden kerap menghadapi situasi masyarakat iaitu berhadapan dengan sesuatu amalan yang dilakukan oleh masyarakat yang tiada dalilnya sama ada daripada al-Qur'an, *al-Sunnah* atau *athar al-Sahabah*. Oleh itu, adakah responden tersebut dapat menyelesaikan permasalahan ini dan bagaimana? Hal ini akan dilihat dalam keputusan item E3.


2. Anda menyelesaikan permasalahan sesuatu amalan yang tiada nas dengan menggunakan pendekatan *al-Sunnah*.

Jadual 4.39: Taburan Kekerapan Item E32

	KEKERAPAN	PERATUS	PERATUS SAH	PERATUS KUMULATIF
TIDAK PERNAH	1	.7	.7	.7
JARANG	13	8.7	8.7	9.3
KADANG-KADANG	19	12.7	12.7	22.0
KERAP	107	71.3	71.3	93.3
AMAT KERAP	10	6.7	6.7	100.0
Total	150	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik

Rajah 4.39: Carta Palang Item E32



Sumber: Soal Selidik

Berdasarkan jadual dan rajah 4.39 di atas, sebanyak 107 responden atau 71.3% menyatakan bahawa mereka kerap menyelesaikan sesuatu amalan yang tiada nas dengan menggunakan pendekatan *al-Sunnah*. Manakala responden yang menyatakan sangat kerap pula melibatkan 10 responden atau 6.7%. Di samping itu, terdapat juga responden yang menyatakan mereka kadang-kadang menggunakan pendekatan tersebut, iaitu melibatkan 19 responden atau 12.7%. Hanya 13 responden atau 8.7% sahaja yang menyatakan jarang menggunakan pendekatan *al-Sunnah*, manakala seorang responden.

atau 0.7% menyatakan tidak pernah. Oleh itu, jadual di atas menunjukkan bahawa majoriti responden dapat menyelesaikan permasalahan sesuatu amalan yang tiada nas dengan menggunakan pendekatan *al-Sunnah*.

Pendekatan *al-Sunnah* ialah mengambil pandangan ulama' berdasarkan ijtihad mereka seperti Ibn Hajar al-'Asqalani, al-Nawawi, al-Suyuti, Yusuf al-Qaradawi dan lain-lain. Pendekatan *al-Sunnah* juga ialah dengan cara melihat nas-nas hadith yang lain yang boleh dikiaskan atau menyokong amalan tersebut. Termasuk juga meneliti pandangan jumhur ulama' tentang keharusan sesuatu amalan. Umpamanya keharusan sambutan *mawlid* diambil daripada hadith puasa hari 'Asyura dan Isnin¹⁷. Antara pendekatan *al-Sunnah*, umpamanya Ibn Hajar al-'Asqalani mengharuskan umat Islam mengkhusus hari *mawlid* ini dengan suatu ibadat yang tertentu ialah ketika mana Rasulullah SAW tiba di Kota Madinah, Baginda SAW mendapati kaum Yahudi sedang berupipam pada hari 'Asyura'. Oleh yang demikian Rasulullah SAW bertanya:

مَا هَذَا الْيَوْمُ الَّذِي تَصُومُونَهُ؟.... فَقَالُوا: هَذَا يَوْمٌ عَظِيمٌ أَنْجَى اللَّهُ فِيهِ مُوسَى وَقَوْمَهُ وَغَرَقَ فِرْعَوْنَ وَقَوْمَهُ، فَصَامَهُ مُوسَى شُكْرًا فَتَحْنُ نَصُومُهُ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: فَتَحْنُ أَحَقُّ وَأَوْلَى بِمُوسَى مِنْكُمْ، فَصَامَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَمَرَ بِصِيَامِهِ¹⁸

Maksudnya: “Apakah yang menyebabkan kamu berpuasa hari ini? Mereka menjawab: Hari ini ialah hari yang Allah SWT menyelamatkan Nabi Musa AS serta kaumnya dan menenggelamkan Fir'aun serta kaumnya, lalu Nabi Musa AS berpuasa sebagai menunjukkan kesyukurannya kepada Allah SWT, oleh sebab itu kami pun berpuasa juga. Rasulullah SAW bersabda: Kami lebih berhak untuk menuruti apa yang dilakukan oleh Nabi Musa berbanding dengan kamu. Rasulullah SAW pun berpuasa dan menggalakkan orang lain supaya berpuasa”¹⁹.

Pendapat Ibn Hajar ini diambil oleh al-Suyuti sebagai hujah tentang keharusan amalan tersebut²⁰.

Menurut Ibn al-Haj, dalil yang menunjukkan keharusan mengkhususkan hari tersebut dengan ibadat ialah Rasulullah SAW menggalakkan umatnya berpuasa pada hari Isnin semata-mata untuk menzahirkan kesyukuran kepada Allah SWT, sabda Rasulullah SAW:

ذَاكَ يَوْمٌ وُلِدْتُ فِيهِ، وَيَوْمٌ بُعِثْتُ أَوْ أُنْزِلَ عَلَيَّ فِيهِ²¹

Maksudnya: “Hari tersebut aku dilahirkan dan diutuskan sebagai rasul”

Dalil ini menunjukkan pengkhususan suatu hari dengan suatu ibadat. Oleh sebab itu mengkhususkan suatu ibadat pada hari *mawlid* asalnya daripada *al-Sunnah*.

¹⁷ Bagi ulama' yang mengharuskan sambutan *mawlid* seperti Ibn Hajar al-'Asqalani, al-Suyuti, Ibn al-Haj dan lain-lain. Manakala al-Syatibi, Ibn Taymiyah, 'Umar ibn 'Ali al-Fakihani tetap menolak dan menganggap sambutan *mawlid* ini sebagai amalan bid'ah yang tidak diamalkan oleh Nabi SAW, para sahabat RA dan tabi'in. Walau bagaimanapun, menurut Ibn Hajar al-'Asqalani sambutan *mawlid* adalah termasuk perkara bid'ah jika bercampur aduk perkara-perkara yang baik dengan yang buruk. Sesiapa yang menjauhi perkara-perkara yang tidak baik ketika menyambutnya, ia dianggap sebagai bid'ah *hasanah*. Lihat: 'Izzat 'Ali, *al-Bid'ah*, 412-415.

¹⁸ Hadith Ibn 'Abbas yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim:

Al-Bukhari, Kitab al-Sawm, no. Hadith 2004 dan Muslim, Kitab al-Siyam, no. Hadith 1130. Lihat: Abu 'Abd Allah Muhammad ibn Isma'il al-Bukhari, “Sahih al-Bukhari,” dalam *Mawsu'ah al-Hadith al-Syarif: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih ibn 'Abd al-'Aziz Al al-Shaykh (Riyadh: Dar al-Salam, 2000), 156 dan Abu al-Husayn Muslim ibn al-Hajjaj ibn Muslim, “Sahih Muslim,” dalam *Mawsu'ah al-Hadith al-Syarif*, 859.

¹⁹ 'Izzat 'Ali, *al-Bid'ah*, 414.

²⁰ Abu Bakr Jabir al-Jaza'iri, *Rasa'il al-Jaza'iri*, 259.

²¹ Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Siyam, no. hadith 1162. Lihat: Abu al-Husayn Muslim ibn al-Hajjaj ibn Muslim, “Sahih Muslim,” dalam *Mawsu'ah al-Hadith al-Syarif: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih ibn 'Abd al-'Aziz Al al-Shaykh (Riyadh: Dar al-Salam, 2000), 865.


3. Anda memperjelaskan ciri-ciri amalan bid'ah dalam kuliah-kuliah, seminar atau forum sama ada di peringkat universiti atau di masjid-masjid.

Jadual 4.40: Taburan Kekerapan Item E33

	KEKERAPAN	PERATUS	PERATUS SAH	PERATUS KUMULATIF
TIDAK PERNAH	3	2.0	2.0	2.0
JARANG	21	14.0	14.0	16.0
KADANG-KADANG	27	18.0	18.0	34.0
KERAP	84	56.0	56.0	90.0
AMAT KERAP	15	10.0	10.0	100.0
Total	150	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik

Rajah 4.40: Carta Palang Item E33.



Sumber: Soal Selidik

Merujuk jadual dan rajah 4.40 di atas, responden yang kerap memperjelaskan ciri-ciri amalan bid'ah dalam kuliah-kuliah, seminar atau forum sama ada di peringkat universiti atau di masjid-masjid adalah melibatkan 84 responden, iaitu 56% dari keseluruhan responden. Responden yang menyatakan amat kerap pula ialah sebanyak 15 responden atau 10%. Walau bagaimanapun, terdapat juga responden yang jarang memperjelaskan, iaitu sebanyak 21 responden atau 14%. Manakala yang tidak pernah melakukannya pula hanya melibatkan 3 responden atau 2%. Responden yang menyatakan kadang-kadang pula melibatkan 27 responden atau 18%.

Penjelasan mengenai ciri-ciri amalan bid'ah amat penting didedahkan di peringkat universiti agar para pelajar khususnya dalam bidang pengajian Islam dapat melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan ilmu agama yang secukupnya sebelum bergelar sebagai guru agama dan menjadi contoh ikutan yang

baik kepada masyarakat. Begitu juga penjelasan kepada masyarakat supaya mereka sentiasa berhati-hati dalam mengamalkan sesuatu amalan agar diterima oleh Allah SWT.


4. Anda mendedah kepalsuan amalan bid'ah sama ada dalam kuliah ilmu atau mengedarkan risalah.

Jadual 4.41: Taburan Kekerapan Item E34

	KEKERAPAN	PERATUS	PERATUS SAH	PERATUS KUMULATIF
TIDAK PERNAH	3	2.0	2.0	2.0
JARANG	35	23.3	23.3	25.3
KADANG-KADANG	17	11.3	11.3	36.7
KERAP	72	48.0	48.0	84.7
AMAT KERAP	23	15.3	15.3	100.0
Total	150	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik

Rajah 4.41: Carta Palang Item E34



Sumber: Soal Selidik

Merujuk jadual dan rajah 4.41 di atas, didapati 72 responden atau 48% dari keseluruhan responden kerap mendedahkan kepalsuan amalan bid'ah sama ada dalam kuliah ilmu atau mengedarkan risalah. Responden yang menyatakan amat kerap adalah melibatkan 23 responden atau 15.3%. Manakala responden yang menyatakan kadang-kadang adalah sebanyak 17 responden atau 11.3%. Namun, terdapat juga responden yang jarang melakukan hal tersebut, iaitu sebanyak 35 responden atau 23.3%. Manakala responden yang tidak pernah melakukannya hanya melibatkan 3 responden atau 2% sahaja.

KESIMPULAN

Berdasarkan analisis deskriptif soal selidik ini, dapat dirumuskan bahawa ahli akademik terlibat dalam masyarakat dan turut mempunyai pengalaman mereka dalam menguruskan permasalahan ini dengan bijaksana, menjauhi daripada melakukan sesuatu yang boleh menyebabkan berlakunya perpecahan dalam masyarakat. Oleh itu, mereka sangat sesuai dijadikan sebagai rujukan masyarakat dalam menyelesaikan pertelingkahan yang berlaku, terutama sekali ahli akademik yang pakar dalam bidang hadith. Diharapkan penulisan ini dapat memberi panduan kepada tenaga pengajar, institusi dan jabatan agama dan lain-lain dalam memberikan sumbangan ilmu yang bermanfaat kepada seluruh umat Islam dalam memahami hadith Rasulullah SAW serta mengaplikasikan dalam kehidupan. Selain daripada itu, diharapkan juga penulisan ini dapat memberi sumbangan dalam menyelesaikan isu dan pertikaian yang berlaku dalam masyarakat terhadap sesuatu amalan yang tiada dalilnya daripada syarak secara jelas.

RUJUKAN

- Abd. Al-Rahman ibn. Abu Bakr al-Suyuti, *Haqiqah al-Sunnah wa al-Bid'ah.*, (Mesir: Dar al-Insan, 1985)
- Ahmad bin Ali Ibn Hajar al-'Asqalani, *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari* (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1997)
- 'Abd al-Karim Zaydan, *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh.* (Beirut: Muassasah al-Risalah, 1987).
- Amran bin Abdul Halim, *Hadith-hadith berkaitan Bidaah: Analisis terhadap hadith-hadith Sunan al-Sittah.* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007).
- 'Abbas Mutawalli, *al-Sunnah al-Nabawiyyah wa Makanatuha fi al-Tasyri'*, (t.t. dan t.t.p.).
- 'Ali ibn. Hasan al-Halabi, *'Ilm Usul al-Bida'*, (Riyad: Dar al-Rayah, 1992).
- Ibrahim ibn. Musa al-Syatibi, *al-Muwafaqat fi Usul al-Syari'ah* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1991).
- Ibrahim ibn. Musa Al-Syatibi, *al-I'tisam.*, *tahqiq* Salim al-Hilali, (Arab Saudi: Dar Ibn 'Affan, 1992).
- 'Izzat 'Ali, *al-Bidaah*, 165. Ardiansyah, *Perspektif Imam Al-Syatibi terhadap Konsep Sunnah dan Bidaah: Analisis terhadap Kitab Al-I'tisam dan Al-Muwafaqat* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2009).
- Malik ibn Anas, *al-Muwatta'* (Mesir: Dar al-Hadith, 1993)
- Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, *Al-Sunnah qabl al-Tadwin*, c. 2 (Beirut: Dar al-Fikr, 1981)
- Abu Yusuf Sulayman, *Al-Mustalahat al-Hadithiyyah* (t.t.p: Al-Ma'had al-Dawli li al-Bunuk wa al-Iqtisad al-Islami, t.t.).
- Muhammad Abu al-Layth al-Khayr Abadi, *Ittijahat fi Dirasat al-Sunnah Qadimuha wa Hadithuha* (Bangi: Dar al-Shakir, 2011).
- Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, *Al-Sunnah qabl al-Tadwin* (Dimasyq: Dar al-Fikr, 1981).
- Muhammad ibn 'Isa al-Tirmidhi, Kitab al-'Ilm, no. hadith 2685. Lihat Muhammad ibn 'Isa al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi* (Beirut: Dar al-Fikr, 1994).
- Muhammad ibn Yazid ibn Majah al-Qazwini, Al-Muqaddimah, no. hadith 42. Lihat: Ibn Majah, Muhammad ibn Yazid al-Qazwini, *Sunan Ibn Majah* (Al-Qahirah: Dar al-Hadith 1994).
- Rohana Yusof, *Penyelidikan Sains Sosial* (Pahang: PTS Publications & Distributor SDN. BHD, 2003)
- Sulayman ibn al-Asy'as Abu Dawud al-Sijistani, Kitab al-Sunnah, no. hadith 4607. Lihat Abu Dawud, Sulayman ibn al-Asy'ath ibn Ishaq al-Azdi al-Sijistani, *Sunan Abu Dawud* (Beirut: Dar Ihya' al-Sunnah al-Nabawiyyah, t.t.).
- Yusuf al-Qaradawi, *Fatawa Mu'asirah* (Al-Mansurah: Dar al-Wafa' 1994)
- Soal Selidik dan Temubual.